

11/02/1998

Biar tokoh muda pimpin bahagian

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno meminta bahagian membuka pintu kepada pemimpin muda dalam pemilihan parti bulan depan.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerana lebih 40 peratus ketua pemuda bahagian tidak boleh mempertahankan jawatan kali ini, sebahagian mereka mungkin menawarkan diri untuk bertanding di peringkat bahagian.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin bahagian tidak seharusnya menutup pintu kepada mereka kerana proses penawaran diri seharusnya dilihat secara positif iaitu untuk memperkuat barisan bahagian selain kesinambungan kepada kepemimpinan politik.

Sambil menyokong nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tiada pertandingan di peringkat bahagian, Pemuda mahu bahagian membuka pintu kepada kemasukan tokoh pemuda yang berkecayakan.

"Kita perlu mengakui hakikat bahawa tokoh yang pernah menerajui pemuda bahagian adalah mereka yang sudah memberi sumbangan kepada parti.

"Lebih 40 peratus daripada mereka sudah cukup umur untuk mempertahankan jawatan.

"Kita minta pintu dibuka kepada tokoh pemuda ini dan diberi peluang memberikan kesinambungan perkhidmatan mereka di peringkat bahagian," katanya, di sini hari ini.

Mengikut jadual, persidangan tahunan Umno cawangan akan diadakan mulai 12 Februari hingga 15 Mac dan peringkat bahagian, 12 hingga 15 Mac.

Ahmad Zahid berkata, peluang perlu dibuka bukan kerana pemimpin Pemuda berhasrat bertanding tiga jawatan utama di peringkat bahagian, tetapi memadai di peringkat ahli jawatankuasa.

"Kalau ada peluang, ruang ini harus dibuka, tapi kalau tidak ada peluang, sekurang-kurangnya pintu harus dibuka kepada mereka memegang jawatan di peringkat jawatankuasa.

"Kita harap tidak ada usaha menutup pintu kepada tokoh pemuda ini dan saya berasakan semua menyedari bahawa pemimpin sekarang pernah menjadi pemimpin pemuda dan pemuda sekarang akan jadi pemimpin lama," katanya.

Menurutnya, dalam keadaan tertentu, pertandingan mungkin tidak dapat dielakkan jika sesetengah pemimpin bahagian yang sepatutnya berundur, gagal berbuat demikian.

Mengenai nasihat Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik supaya pemimpin dan ahli parti tidak mengadakan rumah terbuka selepas 8 Februari, Ahmad Zahid berkata pihaknya tidak teragak-agak bertindak termasuk menggantung keahlian mereka yang ingkar.

"Kita juga mengawasi kalangan Pemuda yang mungkin menggunakan badan lain untuk mengadakan rumah terbuka atau berselindung di sebalik kenduri kendara atau majlis lain untuk mengabui mata.

"Jika kehadiran ramai di kalangan Pemuda, tindakan juga akan diambil," katanya.

(END)